



Tersenarai  
kedudukan ke-27  
terbaik dunia

# UPM catat sejarah negara

NUR FARHANA ABDUL MANAN

SERDANG - Universiti Putra Malaysia (UPM) mencatat sejarah apabila tersenarai pada kedudukan ke-27 terbaik dunia dalam penarafan UI-Greenmetric World University Ranking 2017 berdasarkan usaha kelestarian kampus dan pengurusan alam sekitarnya.

Keputusan itu menjadikan UPM berada pada kedudukan ketiga Asia, kedua Asia Tenggara dan mengekalkan kedudukan pertama dalam negara selama lapan tahun berturut-turut sejak kedudukan itu diperkenalkan pada tahun 2010.

Penarafan yang mengukur komitmen setiap universiti membangunkan infrastruktur mesra persekitaran itu berjaya menarik perhatian 619 universiti seluruh dunia untuk menyertainya.

Empat universiti Malaysia yang mendapat kedudukan 100 terbaik ialah Universiti Malaya pada kedudukan ke 34, Universiti Malaysia Sabah (37), Universiti Teknologi Malaysia (66) dan Universiti Utara Malaysia (83).

Ranking UI-Greenmetric yang menilai usaha kelestarian alam sekitar itu mempunyai lebih daripada 40 penanda aras meliputi 6 skop utama iaitu keluasan tanah dan infrastruktur (15 peratus), tenaga dan perubahan iklim (21 peratus), sisa buangan (18 peratus), air (10 peratus), pengangkutan (18 peratus) dan

pendidikan (18 peratus).

Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Datuk Dr Aini Ideris berkata, kejayaan itu adalah komitmen UPM terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar melalui pelbagai aktiviti pengajaran, penyelidikan, kurikulum dan sistem pengurusan kualiti berteraskan pengurusan alam sekitar yang berkesan.

"UPM mencatat peningkatan terutamanya dalam indikator pengangkutan dan infrastruktur seperti saiz dan infrastruktur keluasan tanah hijau selain penggunaan tenaga yang cekap serta peningkatan fasilitet dan penggunaan basikal di kampus," katanya.

Keputusan yang dikeluarkan pada 13 Disember 2017 itu menyaksikan universiti-universiti dari Amerika dan Eropah mendominasi kedudukan 20 teratas.

Pada Mei lalu, usaha UPM memperkasakan kelestarian kampus hijau juga membolehkan UPM memenangi Anugerah Kursi Tan Sri Dr Ali Hamsa dan menerima geran berjumlah RM300,000 untuk tempoh tiga tahun sempena Konvensyen Kelestarian Kampus Hijau.



AINI